

## KEPERLUAN LAWATAN PEMERIKSAAN ORANG KOMPETEN DI PEPASANGAN ELEKTRIK

**Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission)**  
No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100, Putrajaya.  
**Talian Bebas Tol : 1-800-2222-78 (ST)**  
T: 03 8870 8500 F: 03 8888 8637  
E: info@st.gov.my



## Keperluan Lawatan Pemeriksaan Orang Kompeten Di Pemasangan Elektrik

Lawatan pemeriksaan orang kompeten di pemasangan elektrik perlu dilaksanakan sendiri oleh orang kompeten yang telah dilantik oleh pemunya atau pengurusan pemasangan elektrik.

### Kesalahan Yang Sering Dilakukan

1. Tugas lawatan pemeriksaan di pemasangan elektrik tidak dilaksanakan sendiri oleh orang kompeten yang dilantik sebaliknya oleh wakil orang-orang kompeten berkenaan yang tidak mempunyai sebarang perakuan kekompetenan.
2. Wakil orang-orang kompeten berkenaan didapati merekod, melapor serta menandatangani hasil lawatan mereka di dalam buku log di pemasangan-pemasangan yang dilawat

### Tanggungjawab Orang Kompeten Di Pemasangan Elektrik

Orang kompeten hendaklah mematuhi Peraturan 67 dan 68 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 seperti:-

#### 1. Pemeriksaan dan Lawatan Orang Kompeten

Orang kompeten yang dikehendaki untuk melawat dan memeriksa pemasangan disyaratkan seperti berikut:

- a) Jika pemasangan itu dikendalikan pada voltan rendah :

- a. Jurutera Perkhidmatan Elektrik;
  - b. Jurutera Elektrik Kompeten; atau
  - c. Penyelia Elektrik; dan
- b) Jika pemasangan itu dikendalikan pada voltan yang melebihi voltan rendah :
    - a. Jurutera Perkhidmatan Elektrik; atau
    - b. Jurutera Elektrik Kompeten



#### 2. Kekerapan Lawatan Orang Kompeten

Bilangan minimum lawatan pemeriksaan oleh orang kompeten pada sekatan voltan pemasangan ditetapkan seperti berikut:

- a) 600 volt atau kurang, dan menerima tenaga melalui suis gear berkadar pada atau lebih daripada 100 ampere : 1 lawatan sebulan
- b) 600 volt hingga tidak lebih 11,000 volt : 2 lawatan sebulan
- c) 11,000 volt hingga tidak lebih 132,000 volt : 4 lawatan sebulan
- d) Tempat Hiburan Awam : 2 lawatan sebulan

#### 3. Kewajipan Memeriksa Dan Melapor

- Orang kompeten hendaklah merekod pemeriksaan dan memajukan laporan syor dan arahan kepada Suruhanjaya, pemunya, pengurusan atau pemegang lesen pemasangan;
- Laporan hendaklah dikemukakan dua minggu dari tarikh pemeriksaan dilakukan;
- Pemunya, pengurusan atau pemegang lesen hendaklah menyimpan semua rekod dan laporan untuk pemeriksaan Suruhanjaya;
- Orang Kompeten hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya satu Perakuan Pemeriksaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 1 Jadual Pertama



dalam masa dua minggu dari tarikh pemeriksaan.

#### Tindakan Penguatkuasaan

Kegagalan mana-mana orang kompeten mematuhi Peraturan 67 dan 68 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 boleh menyebabkan Suruhanjaya Tenaga menggantung dan membatalkan Perakuan Kekompetenan mereka di bawah Peraturan 59(4)(h).